A

Ganesh a/l Arunasalam lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05(M)-135–04 TAHUN 2016
MOHTARUDIN BAKI, HARMINDAR SINGH DAN ABDUL KARIM HHMR
11 SEPTEMBER 2017

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu disabitkan bersalah di bawah s 39(B)(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dihukum mati di bawah s 39B(2) — Sama ada elemen jagaan dan kawalan dibuktikan melampaui keraguan munasabah — Sama ada kes prima facie dibuktikan — Sama ada pembelaan tidak perlu dipanggil — Sama ada elemen pengetahuan dibuktikan — Sama ada hakim bicara membuat dapatan fakta berlandaskan keterangan yang telah dibuktikan — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a)

D

E

Ini adalah rayuan terhadap sabitan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') dan hukuman mandatori di bawah s 39B(2) Akta. Inspektor Mohd Azrin bin Abdul Manan ('SP2') telah membuat sekatan terhadap motokar perayu dan mendapati seorang penumpang hadapan kereta, Abdul Rashid bin Abdul Rahman ('Rashid'). Hasil pemeriksaan oleh SP2 telah menjumpai bahan yang disyaki dadah berbahaya tersorok di bawah 'dash board', di belakang 'compartment' radio motokar perayu. Motokar tersebut digunakan oleh perayu dan juga perkerja yang beliau lain. Rashid tidak dapat dikesan. Hakim bicara telah memutuskan bahawa elemen 'jagaan, kawalan dan pengetahuan' telah dibuktikan. Bagi elemen jagaan dan kawalan, percakapan Rashid, diterima masuk sebagai eksh 142 di bawah s 112 Kanun Tatacara Jenayah. Rashid pada asalnya telah dituduh bersama perayu tetapi telah dibebaskan untuk menjadi saksi pendakwaan. Hakim bicara tidak mengguna pakai (*invoke*) andaian undang-undang mengenai pengetahuan di bawah s 37(d) Akta. Hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie dan perayu telah dipanggil untuk memasuki pembelaan. Isu bagi tujuan rayuan ini ialah kes prima facie telah gagal dibuktikan, justeru pembelaan tidak perlu dipanggil.

F

G

H

Diputuskan, membenarkan rayuan, mengenepikan sabitan dan hukuman dan menggantikan dengan perintah perayu dilepaskan dan dibebaskan:

I

(1) Hakim bicara telah tersalah arah mindanya apabila memutuskan elemen jagaan dan kawalan terhadap dadah berkenaan telah dibuktikan melampaui tahap keraguan yang munasabah. Daripada fakta kes

pendakwaan, adalah jelas perayu hanya didapati duduk di bahagian pemandu sahaja. Adalah janggal apabila hakim bicara terus memutuskan '... tidak dapat dinafikan (dadah tersebut) adalah milik tertuduh'. Ini kerana dadah tersebut bukanlah boleh dilihat secara terus tanpa halangan pandangan (lihat perenggan 12–14).

(2) Hakim bicara jelas terkhilaf apabila menerima fakta daripada percakapan saksi 'Rashid' di bawah s 112 Kanun Tatacara Jenayah untuk menolak kemungkinan penglibatannya. Adalah menjadi undang-undang mantap keterangan daripada percakapan tersebut, tanpa saksi disoal balas tidak membawa nilai probatif. Hakim bicara telah membuat dapatan fakta yang tidak berlandaskan atas keterangan yang telah dibuktikan (*proved facts*). Ini adalah 'misdirection' yang serius dan menyebabkan 'case for prosecution to be compromised' (lihat perenggan 15–16).

(3) Mengenai elemen 'pengetahuan', hakim bicara membuat dapatan fakta yang tidak dibuktikan. Tiada pemerhation oleh pihak polis bahawa tertuduh dilihat memandu motokar tersebut sehingga berhenti di tempat seperti pertuduhan. Adalah jelas hakim bicara khilaf dan cuai dalam membuat penemuan fakta. Hakim bicara tidak merujuk kepada kes tersohor *Emmanuel Yaw Teiku v Public Prosecutor* [2006] 5 MLJ 209 (lihat perenggan 17–18 & 20).

(4) Mengenai 'kedudukan yang tersorok', tidak ada keterangan mengaitkan perayu dengan dadah yang tersorok di dalam motokar tersebut. Bagi elemen 'pengetahuan', hakim bicara tidak menguna pakai anggapan undang-undang di bawah s 37(d) Akta untuk membuktikan pengetahuan. Mahkamah dapati adalah tidak ada asas untuk mengaitkan perayu dengan dadah berkenaan apabila 'Rashid' tidak memberikan keterangan serta tiada keterangan pemantauan untuk mengaitkan perayu dengan dadah tersebut. Hakim bicara tekhilaf dalam dapatan mengenai elemen pengetahuan. Hakim bicara telah membuat dapatan fakta tanpa keterangan yang dibuktikan (proved facts) (lihat perenggan 21–23 & 25–26).

(5) Mahkamah mendapati hakim bicara tidak memahami apakah 'conduct' yang dinyatakan di bawah s 8 Akta Keterangan 1950. Hakim bicara ternyata terkhilaf apabila tidak merujuk kepada keterangan dan undang-undang mengenai 'conduct'. Ini adalah serius. Berdasarkan keterangan SP2, adalah jelas 'terkejut' merupakan 'expression' biasa apabila dihalang dengan tiba-tiba oleh SP2 dan pasukannya yang tidak memakai pakaian polis. Keterangan sebegini tidak seharusnya digunakan sebagai keterangan pembuktian 'pengetahuan' (lihat perenggan 27–30).

[English summary

This was an appeal against the conviction under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act') and the mandatory sentence under s 39B(2) of the

Act. Inspector Mohd Azrin bin Abdul Manan ('SP2') had blocked the appellant's car and found a passenger in the front seat of the car, Abdul Rashid bin Abdul Rahman ('Rashid'). The result of the inspection by SP2 had discovered a substance suspected to be dangerous drugs under the dash board, behind the compartment of the appellant's car radio. The car was used by the appellant and his other employer. Rashid could not be traced. The trial judge had decided that the elements of 'custody, control and knowledge' had been proven. For the care and control elements, Rashid's conversation, was admitted as exh 142 under s 112 of the Criminal Procedure Code. Rashid was originally accused with the appellant but was released to be the prosecution witness. The trial judge did not invoke the assumption of legal knowledge under s 37(d) of the Act. The trial judge had ruled that the prosecution had proven a prima facie case and the appellant was called to enter his defence. The issue for the purpose of this appeal was that the prima facie case had failed to be proved, hence the defence need not be called.

Held, allowing the appeal, setting aside the conviction and sentence and substituting the order that the appellant be acquitted and discharged:

(1) The trial judge had misdirected his mind when deciding custody and control elements of the drug had been proved beyond reasonable doubt. From the facts of the prosecution case, it was clear that the appellant was only found sitting in the driver's section. It was awkward when the judge ruled immediately that '… tidak dapat dinafikan (dadah tersebut) adalah milik tertuduh'. This was because the said drugs could not be seen directly without any hindrance (see paras 12–14).

(2) The trial judge clearly had erred in admitting the facts from the witness under s 112 of the Criminal Procedure Code to reject the possibility of his involvement. It is trite law that the evidence of the conversation, without the witness being cross-examined did not carry probative value. The trial judge had made a finding of fact which was not based on the evidence that had been proved (proved facts). This was a serious 'misdirection' and caused a 'case for prosecution to be compromised' (see paras 15–16).

(3) Regarding the element of 'knowledge', the trial judge made the findings of unpredictable facts. There was no observation by the police that the accused was seen driving the car until it stopped at the scene as per charge. It was obvious that the trial judge had erred and was negligent in making the finding of fact. The trial judge did not refer to the case of *Emmanuel Yaw Teiku v Public Prosecutor* [2006] 5 MLJ 209 (see paras 17–18 & 20).

(4) Regarding the 'hidden position', there was no evidence to link the appellant with the hidden drugs in the car. For the element of 'knowledge', the trial judge did not adopt the legal presumption under s 37(d) of the Act to prove knowledge. The court found that there was no

basis to link the appellant to the drug when 'Rashid' did not give evidence and no evidence of monitoring to link the appellant to the drug. The trial judge had erred in finding the element of knowledge. The trial judge had made the fact finding without proved facts (see paras 21–23 & 25–26).

(5) The court found that the trial judge did not understand the 'conduct' as set out under s 8 of the Evidence Act 1950. The trial judge clearly had erred for not referring to the evidence and the law on the 'conduct'. This was serious. Based on SP2's evidence, it was obvious that 'surprised' was an ordinary 'expression' when suddenly blocked by SP2 and his team who did not wear police uniforms. Such evidence should not be used as evidence to prove 'knowledge' (see paras 27–30).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan and hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 321–500.

Kes-kes yang dirujuk

Abdullah Zawawi bin Yusoff v PP [1993] 3 MLJ 1; [1993] 4 CLJ 1, MA (dirujuk)
DPP v Brooks [1974] 2 All ER 840, PC (dirujuk)
Emmanuel Yaw Teiku v PP [2006] 5 MLJ 209; [2006] 3 CLJ 597, MP (dirujuk)
PP v Abdul Rahman bin Akif [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337, MP (dirujuk)
Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(d), 39B(1)(a), (2)
Akta Keterangan 1950 s 8
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 60
Kanun Tatacara Jenayah s 112

Rayuan daripada: Perbicaraan No 45A-101–10 Tahun 2014 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Mohd Shafee Abdullah (Rahmat Hazlan bersamanya) (Shafee & Co) bagi pihak perayu.
Nurshafini bt Mustafha (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Mohtarudin Baki HMR:

[1] Ini adalah rayuan oleh tertuduh ('perayu') terhadap sabitan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan hukuman mati mandatori di

bawah s 39B(2) Akta yang sama. A

[2] Kami telah mendengar rayuan perayu. Kami sebulat suara mendapati rayuan perayu mempunyai merit, justeru rayuan dibenarkan; sabitan dan hukuman diketepikan dan digantikan dengan perintah perayu dilepaskan dan dibebaskan. B

[3] Pertuduhan:

> Bahawa kamu pada 16.8.2014, pada jam lebih kurang 6.45 petang bertempat di hadapan rumah No 181 Jalan PJS 4/2, 46000 Petaling Jaya dalam Daerah Petaling Jaya, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah mengedar dadah berbahaya iaitu 141.7g methamphetamine, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama. (Rujuk muka surat 2 Rekod Rayuan *Jld* 3). C

D

[4] Fakta kes prima facie:

(a) pada 16 Ogos 2014, SP2 Insp Mohd Azrin bin Abdul Manan mendapat maklumat bahawa satu aktiviti pengedaran dadah melibatkan sebuah motokar WFW 1261 di kawasan Petaling Jaya;

E

(b) SP2 beserta dengan lapan orang anggota beliau telah tiba di kawasan PJS Petaling Jaya lebih kurang jam 6 petang. Pencarian dijalankan selama 45 minit apabila mereka menjumpai motokar WFW 1261 dalam kedudukan berhenti di hadapan rumah No 181 Jalan PJS 4/2, Petaling Jaya;

F

(c) SP2 dan pasukan beliau telah membuat sekatan terhadap motokar tersebut. SP2 mendapati seorang lelaki di tempat duduk pemandu (orang kena tuduh ('OKT')) dan seorang penumpang hadapan bernama Abdul Rashid bin Abdul Rahman ('Rashid');

G

(d) hasil pemeriksaan di dalam motokar tersebut, SP2 telah menjumpai bahan yang disyaki dadah berbahaya tersorok di bawah 'dash board', di belakang 'compartment' radio motokar tersebut;

(e) SP2 juga turut menjumpai Kad Kuasa PRISM atas nama OKT di dalam 'dash board' motokar tersebut;

H

(f) bahan disyaki dadah berbahaya tersebut telah di analisis oleh ahli kimia kerajaan dan disahkan bahawa bahan tersebut ialah dadah jenis methamphetamine dengan berat bersih 141.7g. Methamphetamine ialah dadah berbahaya seperti yang disenaraikan oleh Akta Dadah Berbahaya 1952;

I

(g) SP3 iaitu bapa kepada OKT mengesahkan bahawa motokar tersebut adalah milik beliau. Motokar tersebut digunakan oleh OKT dan juga pekerja beliau yang lain; dan

A (h) penumpang hadapan Abdul Rashid bin Abdul Rahman telah tidak dapat dikesan. Percakapan beliau di bawah s 112 Kanun Acara Jenayah telah diterima masuk sebagai eksh P42 (kami telah merujuk kepada ms 4 rekod rayuan *Jld* 1 di mana Abdul Rashid bin Abdul Rahman pada asalnya telah dituduh bersama perayu). Seterusnya mengikut keterangan pegawai penyiasat SP4 di ms 30 rekod rayuan tambahan, Abdul Rashid telah dibebaskan untuk menjadi saksi pendakwaan.

[5] Atas keterangan fakta di atas, hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie dan perayu telah dipanggil untuk memasuki pembelaan.

[6] Hanya satu isu di hadapan kami iaitu kes prima facie telah gagal dibuktikan, justeru pembelaan tidak perlu dipanggil.

[7] Dapatan hakim bicara mengenai kes prima facie dapat dilihat dalam penghakiman bertulis beliau di ms 12–17 rekod rayuan *Jld* 1.

[8] Mengenai elemen kawalan dan jagaan, hakim bicara menyatakan di ms 13–14 rekod rayuan *Jld* 1 seperti berikut:

> Melalui keterangan yang ditampilkan itu, jelas menunjukkan yang Tertuduh sememangnya mempunyai kawalan dan jagaan terhadap kereta bernombor pendaftaran WFW 1261 yang di bahagian bawah 'dash board' kereta dijumpai 1 plastik hijau yang didalamnya terdapat 1 plastik merah mengandungi bahan Kristal disyaki dadah. Kereta dan barang kes dadah yang ditemui dan dirampas itu jelas berada di dalam kawalan dan jagaan Tertuduh sebagai pemandu. Milikan terhadap dadah-dadah tersebut yang dijumpai tersorok di bahagian bawah 'dash board' kereta WFW 1261 tersebut tidak dapat dinafikan adalah milik Tertuduh. Ini diperkukuhkan lagi dengan terjumpanya satu kad otoriti atas nama Tertuduh tersimpan di dalam 'dash board' kereta tersebut. Keterangan SP3 pula mengesahkan yang kereta tersebut sering digunakan oleh Tertuduh. Terhadap Rashid pula, keterangan melalui eksibit P42 menunjukkan yang Rashid hanya menumpang kereta Tertuduh kerana kereta Rashid dihantar untuk dibaiki. Malah tiada barangan milik peribadi Rashid dijumpai berada di dalam kereta WFW 1261 tersebut bagi mengaitkan Rashid dengan kenderaan WFW 1261 tersebut serta bahan dadah yang ditemui di dalamnya.

[9] Seterusnya mengenai elemen 'pengetahuan', hakim bicara menyatakan di ms 14–15 rekod rayuan *Jld* 1:

> Dari aspek pengetahuan pula, untuk menghubungkan Tertuduh sebagai mempunyai pengetahuan terhadap dadah-dadah jenis Methamphetamine tersebut, prinsip yang diputuskan melalui kes *Gunalan a/l Ramachandran & Ors v Public Prosecutor* [2004] 4 MLJ 486 adalah relevan, bila mana diputuskan:

Knowledge is to be inferred from the fact the surrounding circumstances of a case.

Berdasarkan keterangan yang disampaikan oleh SP2, adalah jelas menunjukkan bahawa Tertuduh mempunyai milikan penuh dan eksklusif ke atas kereta WFW 1261 yang di bahagian bawah 'dash board' dijumpai tersimpan dadah jenis Methamphetamine tersebut. Siasatan menunjukkan kenderaan tersebut dipandu oleh Tertuduh sebelum tangkapan dibuat. Ini sekaligus menunjukkan bahawa kereta dan dadah-dadah itu adalah berada di dalam jagaan, pengawasan dan kawalan Tertuduh.

SP3 pula mengesahkan yang kereta tersebut memang selalu dipakai oleh Tertuduh. Malah di dalam 'dash board' kereta, turut ditemui satu kad otoriti di atas nama Tertuduh.

Keterangan dari SP2 jelas menunjukkan yang tertuduh mempunyai pengetahuan terhadap dadah yang disembunyikan itu. Pengetahuan (knowledge) Tertuduh terhadap dadah tersebut telah dibuktikan melalui 'surrounding circumstances' dan 'circumstancial evidence' berdasarkan keadaan dan kaedah dadah berkenaan disorokkan dan disembunyikan. Keadaan dadah tersebut disembunyikan di bahagian bawah 'dash board' kereta sememangnya tidak akan diketahui oleh sesiapa pun, kecuali setelah sesuatu penggeledahan dilakukan.

[10] Hakim bicara tidak mengguna pakai (*invoke*) andaian undang-undang mengenai pengetahuan di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952.

DAPATAN KAMI

[11] Elemen 'possession' iaitu jagaan, kawalan dan 'pengetahuan'.

Daripada dapatan fakta dan undang-undang hakim bicara di atas adalah jelas memutuskan mengenai 'jagaan dan kawalan':

(a) pemandu yang memandu motokar WFW 1261 bersama rakannya Rashid semasa ditahan. Kereta dalam keadaan berhenti di hadapan rumah No 181 Jalan PJS 4/2 Petaling Jaya (rujuk ms 13 rekod rayuan *Jld* 1):

> ... kereta dan barang kes dadah yang ditemui dan dirampas itu jelas berada di dalam kawalan dan jagaan Tertuduh sebagai pemandu. Milikan terhadap dadah tersebut yang dijumpai tersorok di bahagian bawah 'dash board' kereta WFW 1261 tersebut *tidak dapat dinafikan adalah milik Tertuduh*. Ini diperkukuhkan lagi dengan terjumpanya satu Kad Otoriti atas nama Tertuduh tersimpan di dalam 'dash board' kereta tersebut (rujuk ms 13–14 Rekod Rayuan *Jld* 1).

(b) terhadap Rashid pula, keterangan melalui eks P42 (*percakapan di bawah s 112 Kanun Acara Jenayah*) menunjukkan yang Rashid hanya menumpang kereta tertuduh kerana kereta Rashid dihantar untuk dibaiki. Malah tiada barangan milik peribadi Rashid dijumpai berada di

dalam kereta WFW 1261 tersebut untuk mengaitkan Rashid dengan kenderaan WFW 1261 tersebut serta bahan dadah yang ditemui didalamnya.

[12] Kami bersetuju dengan hujah peguam perayu bahawa hakim bicara telah tersalah arah mindanya apabila memutuskan elemen jagaan dan kawalan terhadap dadah berkenaan telah dibuktikan melampaui tahap keraguan yang munasabah.

[13] Daripada fakta kes pendakwaan, SP2 dan anggota beliau tidak membuat pemantauan sebelum tangkapan. SP2 menjumpai motokar WFW 1261 sedia berhenti di hadapan rumah No 181 Jalan PJS 4/2 Petaling Jaya walaupun enjin motokar masih hidup. Adalah jelas perayu hanya didapati duduk di bahagian pemandu sahaja.

[14] Fakta yang tidak dipertikaikan bahawa dadah tersebut dijumpai tersorok di bawah 'dash board', di belakang 'compartment' radio motokar tersebut. Dadah tersebut bukanlah boleh dilihat secara terus tanpa halangan pandangan. Adalah janggal apabila hakim bicara terus memutuskan '... tidak dapat dinafikan (dadah tersebut) adalah milik tertuduh' (rujuk ms 14 rekod rayuan *Jld* 1).

[15] Seterusnya hakim bicara jelas telah terkhilaf apabila menerima fakta daripada percakapan saksi 'Rashid' di bawah s 112 Kanun Acara Jenayah untuk menolak kemungkinan penglibatan Rashid. Adalah menjadi undang-undang mantap keterangan daripada percakapan tersebut, tanpa saksi disoalbalas tidak membawa nilai probatif.

[16] Pada pemerhatian kami, hakim bicara telah membuat dapatan fakta dengan tidak berlandaskan atas keterangan yang telah dibuktikan (*proved facts*). Ini adalah 'misdirection' yang serius dan menyebabkan 'case for prosecution has been compromised'.

[17] Mengenai elemen 'pengetahuan' pula, hakim bicara memutuskan di ms 15 rekod rayuan *Jld* 1 perenggan pertama:

> ... Siasatan menunjukkan kenderaan tersebut *dipandu* oleh Tertuduh sebelum tangkapan dibuat. Ini sekali gus menunjukkan bahawa kereta dan dadah-dadah itu adalah berada di dalam jagaan, pengawasan dan kawalan Tertuduh.

[18] Sekali lagi, hakim bicara membuat dapatan fakta yang tidak dibuktikan. SP2 menjumpai motokar WFW 1261 dalam keadaan berhenti dan tertuduh didapati duduk di tempat pemandu. Tiada pemerhatian oleh

pihak polis bahawa tertuduh dilihat memandu motokar tersebut sehingga berhenti di tempat seperti pertuduhan.

[19] Seterusnya hakim bicara menyatakan di muka surat yang sama perenggan ketiga:

> Keterangan dari SP2 jelas menunjukkan yang Tertuduh mempunyai pengetahuan terhadap dadah yang disembunyikan itu. Pengetahuan (knowledge) Tertuduh terhadap dadah tersebut telah dibuktikan melalui 'surrounding circumstances' dan 'Circumstantial evidence' berdasarkan keadaan dan kaedah dadah berkenaan disorokkan dan disembunyikan. Keadaan dadah tersebut disembunyikan di bahagian bawah 'dash board' kereta sememangnya tidak akan diketahui oleh sesiapa pun, kecuali setelah sesuatu penggeledahan dilakukan.

[20] Adalah jelas sekali lagi hakim bicara khilaf dan cuai dalam membuat penemuan fakta. Hakim bicara tidak merujuk kepada kes tersohor *Emmanuel Yaw Teiku v Public Prosecutor* [2006] 5 MLJ 209; [2006] 3 CLJ 597 di mana YA Richard Malanjum HMP (kini Hakim Besar Sabah dan Sarawak) menyatakan di ms 605–606:

> It should be borne in mind that proof of intention or knowledge is generally inferred from *proved* facts and *circumstances* ...

[21] Mengenai 'kedudukan dadah yang tersorok', kami dapati tidak ada keterangan mengaitkan perayu dengan dadah yang tersorok di dalam motokar tersebut. Keadaan akan berbeza sekiranya pemantauan dibuat, perayu dilihat membawa bungkusan ke dalam motokar tersebut, kemudiannya apabila ditahan dan diperiksa, bungkusan tersebut mengandungi dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan. Daripada keterangan SP2 di ms 15 rekod rayuan tambahan, semasa pemeriksaan semula oleh timbalan pendakwa raya:

> Agak susah, sebab tempat itu merupakan tempat tersorok dan tidak boleh dilihat pada mulanya. Maksud saya susah untuk menjumpai.

[22] Kes-kes terdahulu di mana dadah-dadah dijumpai tersorok (*concealed*) di dalam *sebuah beg* yang dibawa oleh tertuduh boleh memberi inferens bahawa tertuduh mengetahui kewujudan dadah tersebut. Dalam kes ini, dadah tersebut tersorok di belakang 'compartment' radio sebuah motokar yang sukar dilihat. Fakta juga berbeza di mana dadah-dadah dijumpai di dalam bungkusan surat khabar di bawah tempat duduk motokar yang dipandu oleh tertuduh (*Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337). Malah tiada keterangan forensik seperti DNA atau kesan cap jari perayu didapati pada plastik pembungkus dadah tersebut.

[23] Hakim bicara juga TIDAK mengguna pakai anggapan undang- undang di bawah s 37(d) ADB 1952 untuk pembuktian 'pengetahuan'. Kami telah

memikirkan sama ada kami boleh menjalankan kuasa kami di bawah s 60 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 untuk mengguna pakai anggapan undang-undang tersebut. Kami dapati adalah tidak ada asas untuk mengaitkan perayu dengan dadah berkenaan apabila 'Rashid' tidak memberikan keterangan serta tiada keterangan pemantauan untuk mengaitkan perayu dengan dadah tersebut.

[24] Mengenai elemen terakhir 'pengedaran', hakim bicara dalam penghakiman bertulis beliau di ms 15 rekod rayuan *Jld* 1 perenggan akhir dan ms 16 berikutnya:

> ... di bawah seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 yang mentakrifkan salah satu maksud pengedaran iaitu membawa.
>
> ... Perbuatan Tertuduh yang mengangkut dan membawa dadah dari satu tempat ke tempat yang lain itu adalah terjumlah kepada satu perbuatan mengedar.

[25] Sekali lagi hakim bicara terkhilaf dalam perkara ini. Jika dilihat daripada keterangan SP2:

(a) ms 9 rekod rayuan tambahan — pemeriksaan balas:

Q: Pada 16 Ogos 2014 setuju bahawa kamu jumpa kereta tersebut secara kebetulan?

A: Setuju

(b) ms 14 rekod rayuan tambahan — soal semula:

Q: Bagaimana kamu pergi menjurus ke kawasan itu?

A: Saya hanya pergi secara random ke kawasan tersebut.

(c) ms 10 rekod rayuan tambahan:

A: Keadaan kereta tersebut baru diberhentikan dan kedua-dua mereka masih di dalam kereta. Enjin kereta masih hidup dan belum dimatikan.

[26] Adalah jelas SP2 tidak membuat pemantauan terlebih dahulu. SP2 dan anggota-anggota beliau dalam mencari motokar WFW 1261 secara 'random', terserempak dengan motokar tersebut berhenti di hadapan sebuah rumah No 181 Jalan PJS 4/2 Petaling Jaya. Sekali lagi hakim bicara membuat dapatan fakta tanpa keterangan yang dibuktikan (*proved facts*).

[27] Seterusnya setelah memutuskan elemen 'pengedaran', hakim bicara di ms 16 rekod rayuan *Jld* 1 perenggan pertama mengolah semula mengenai elemen 'pengetahuan':

Di dalam aspek yang lain pula, keterangan mengenai kelakuan dan tatalaku Tertuduh di dalam kes ini juga relevan dan konsisten bagi menunjukkan Tertuduh mempunyai pengetahuan terhadap barang kes dadah tersebut seperti 'conduct' di mana beliau dikatakan di dalam keadaan terkejut dan terperanjat apabila ditahan dan apabila dadah ditemui.

[28] Kami mendapati hakim bicara tidak memahami apakah 'conduct' yang dinyatakan di bawah s 8 Akta Keterangan 1950. Kami merujuk kes *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717:

[30] In commenting on the admissibility of evidence of conduct under s 8, *Sarkar on Evidence* (15th Ed) says at p 175:

... it must be the essential complement of the act done or refused to be done. Conduct includes antecedent or subsequent conduct involving both actions and statements.

[29] Kami merujuk keterangan SP2 mengenai perkara ini di ms 10 rekod rayuan tambahan soalan terakhir semasa pemeriksaan balas:

Q: Saya cadangkan kepada kamu reaksi ini (terkejut) adakah reaksi biasa ...

A: Setuju.

Manakala semasa pemeriksaan semula di ms 14 rekod rayuan yang sama, soalan akhir:

Q: Apakah kamu maksudkan reaksi terkejut itu adakah reaksi beliau?

A: Kemungkinan OKT di dalam keadaan terkejut. Sebab saya dan pasukan membuat halangan secara tiba-tiba.

[30] Adalah jelas hakim bicara tidak memahami apa yang dikatakan 'conduct'. Hakim bicara ternyata khilaf apabila tidak merujuk kepada keterangan dan undang-undang mengenai 'conduct'. Ini adalah serius.

[31] Daripada keterangan SP2 di atas, adalah jelas 'terkejut' merupakan 'expression' biasa apabila dihalang dengan tiba-tiba oleh SP2 dan pasukan beliau yang tidak memakai pakaian seragam polis. Keterangan sebegini tidak seharusnya digunakan sebagai keterangan pembuktian 'pengetahuan' (rujuk *Abdullah Zawawi bin Yusoff v Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 1; [1993] 4 CLJ 1 dan *DPP v Brooks* [1974] 2 All ER 840).

[32] Daripada huraian di atas adalah jelas menunjukkan dapatan hakim bicara di ms 17 rekod rayuan *Jld* 1 mengenai kes prima facie tidak dapat dipertahankan. Hakim bicara menyatakan:

Kedapatan Mahkamah:

A Setelah saya meneliti keterangan yang disampaikan melalui 4 orang saksi pendakwaan ini, meneliti kepada kedudukan kesemua 46 eksibit yang dikemukakan itu, menimbang kepada penghujahan yang telah disampaikan oleh kedua-dua pihak, menimbangkan kes ini secara keseluruhannya, mengaplikasikan prinsip 'maximum evaluation of all witnesses' sepenuhnya seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang, dengan ihi memutuskan bahawa di akhir kes pihak Pendakwaan ini, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan wujudnya suatu kes 'prima facie' terhadap Tertuduh ini sepertimana pertuduhan. Lantas Tertuduh diperintah untuk membela diri.

B

C **[33]** Secara keseluruhan, kami mendapati hakim bicara telah dengan jelas tersalah arah dirinya dalam hal perkara yang diulaskan di atas. Dalam hal keadaan tersebut, kami mendapati sabitan yang dijatuhkan adalah tidak selamat. Dengan itu, kami dengan sebulat suara mengetepikan sabitan dan hukuman berkenaan dan memerintahkan perayu dilepaskan dan dibebaskan.

D *Rayuan dibenarkan, sabitan dan hukuman diketepikan dan digantikan dengan perintah perayu dilepaskan dan dibebaskan.*

Dilaporkan oleh Nisha Paran

E

F

G

H

I